

08 JUL 1998

Pengangkutan

PENGANGKUTAN AWAM KE BUKIT JALIL SABTU INI

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Beberapa syarikat pengangkutan awam di ibu kota akan menyediakan kemudahan pengangkutan kepada orang ramai yang ingin menyaksikan upacara perasmian Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil Sabtu ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Datuk Pahamin Rajab hari ini berkata syarikat terlibat ialah Sistem Aliran Transit Ringan (LRT-STAR), KTM Komuter, Parkmay Sdn Bhd dan Intrakota.

Beliau memberitahu persidangan berita di sini bahawa LRT-STAR akan menyediakan perkhidmatan percuma di semua stesennya mulai 3 petang Sabtu hingga 2 pagi Ahad bagi membawa orang ramai ke Bukit Jalil.

Perasmian kompleks sukan yang akan menjadi medan pertandingan atlet Sukan Komanwel Kuala Lumpur '98 itu akan dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pahamin, yang juga pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Sukan Komanwel, berkata Intrakota akan menyediakan bas dari Kuala Lumpur ke Bukit Jalil setiap 10 minit.

Katanya Parkmay pula akan menyediakan perkhidmatan dari Klang dan Shah Alam ke Bukit Jalil, dan dari Bukit Jalil ke Kuala Lumpur setiap 20 minit.

Syarikat itu juga akan menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dari stesen Bandar Tasik Selatan ke Bukit Jalil dengan tambang RM1 sementara Intrakota turut menyediakan perkhidmatan yang serupa dari padang letak kereta Kelab Lumba Kuda Selangor, juga dengan tambang RM1.

Katanya bas-bas dari Seremban, Bangi dan Kajang akan menurunkan penumpang di hadapan stesen minyak Petronas di Taman Teknologi Malaysia (TPM) bagi membolehkan mereka menaiki bas sambungan yang disediakan untuk ke Bukit Jalil.

Penumpang KTM Komuter dari Pelabuhan Klang boleh menukar komuter di stesen Kuala Lumpur dan turun di stesen Tasik Selatan untuk menaiki LRT-STAR atau bas ulang-alik ke Bukit Jalil.

-- BERNAMA

MT NMO